

# Lanjut 30GB percuma

Kuala Lumpur

Lima pengendali telekomunikasi meneruskan komitmen menyokong keperluan pendidikan rakyat dengan menyediakan internet produktiviti 30GB secara percuma bagi tujuan pembelajaran, produktiviti serta melayari laman web berita sehingga 30 April ini.

Syarikat telekomunikasi itu adalah Celcom Axiata Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Maxis Bhd, U Mobile Sdn Bhd dan Telekom Malaysia Bhd (TM) menerusi unifi Mobile.

Pengendali itu juga menyediakan penyambungan WiFi percuma kepada pelajar yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan melanjutkan waktu operasi Pusat Internet Komuniti (PIK) dalam tempoh mencabar ketika ini.

"Sejumlah 130 PPR dan 54 PIK di seluruh negara akan memberi tumpuan dalam menyokong pelajar daripada keluarga B40 dengan penyambungan internet percuma yang bertujuan memudahkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," kata syarikat telekomunikasi itu dalam satu kenyataan bersama, semalam.

Sejak April tahun lalu, semua pelanggan pascabayar dan prabayar aktif pengendali masing-masing menikmati internet produktiviti 30GB secara percuma sebulan yang diberikan sebanyak 1GB setiap hari, kecuali bagi

Lima pengendali telekomunikasi sedia internet untuk pembelajaran sehingga 30 April ini



GURU Sekolah Kebangsaan Bukit Raya, Nuramiza Fauzi mengajar anak muridnya mata pelajaran Bahasa Melayu tahun tiga secara maya dalam PdPR ketika PKP di Kajang.

media sosial, permainan, video dan penstriman muzik, melebihi peruntukan data bulanan daripada pelan sedia ada mereka.

Selain internet percuma

30GB sebulan, pengendali juga menyediakan pakej data prabayar khas bagi pelajar SPM dan STPM serta pelajar di pusat pengajian tinggi.

Pakej data prabayar khas

itu menawarkan data 15GB sebulan bagi bayaran serendah RM20 sebulan dan disediakan kepada pelajar dari 6 Januari lalu sehingga akhir April ini.